

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM MENTERI  
KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [ SUBANG ]**  
**TARIKH : 24 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan R. Sivarasa [ Subang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang kini menerima subsidi Kerajaan bulanan untuk rawatan dialisis dan juga rancangan Kementerian untuk tingkatkan kemudahan-kemudahan di hospital dan klinik awam untuk pesakit-pesakit dialisis yang jumlahnya makin meningkat dan tidak mampu membayar kadar swasta.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan pelbagai kemudahan kesihatan dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (*End Stage Renal Disease*) dengan menyediakan bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Sejak tahun 2001 sehingga 2013, KKM telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin kepada sejumlah 2,494 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan, iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM30 untuk suntikan erythropoietin. Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin sejak dari tahun 2001 sehingga 2013 ialah RM284.51 juta dan pada tahun 2013 sahaja sebanyak RM31.60 juta telah diluluskan sebagai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin. Untuk makluman, sehingga kini, 59 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan 119 pusat dialisis telah didaftarkan oleh KKM untuk menerima subsidi rawatan hemodialisis.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan memang prihatin dengan keperluan pesakit buah pinggang khususnya pesakit golongan berpendapatan rendah dan Kerajaan selalu berusaha untuk meningkatkan kemudahan untuk rawatan dialisis di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sedia ada secara berkala. Pada masa ini, semua hospital KKM kecuali 3 buah hospital di negeri Sabah menyediakan perkhidmatan hemodialisis. KKM dalam proses menyediakan perkhidmatan hemodialisis di 3 buah hospital tersebut.

Walau bagaimanapun, memandangkan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis semakin meningkat, KKM sedang memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) di kalangan pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir. Kaedah rawatan ini adalah berbeza daripada rawatan hemodialisis kerana rawatan CAPD

dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri. Kaedah ini akan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis untuk pesakit baru kegagalan ginjal peringkat akhir yang memerlukan rawatan dialisis.